

Amalan pendakwaan akan akibatkan rakyat miskin menderita - Mahathir

1 - NOV 1983

KUALA LUMPUR 31
Okt. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat miskin akan menderita sekiranya amalan 'litigation' atau pendakwaan di mahkamah untuk mendapatkan gantirugi berterusan di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, sudah terdapat kecenderungan di kalangan anggota - anggota masyarakat di Malaysia terhadap pendakwaan (litigation) untuk mendapatkan gantirugi yang lebih besar.

Sambil menyeru rakyat supaya jangan menerima bulat - bulat setiap perkara atau amalan yang terdapat di dunia Barat yang kononnya bertamadun dan maju, beliau menegaskan bahawa Malaysia belum mampu menghadapi keadaan seperti itu.

Berucap di depan lebih 500 orang peguam di majlis perasmian di Persidangan Ketujuh Undang - Undang Malaysia di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh rakyat haruslah sesuai dengan alam sekitar yang mereka diami.

Undang - undang misalnya, katanya, tidak dapat diasingkan daripada keper-

luan tertentu sesebuah masyarakat dan tidak semua amalan undang - undang yang dipelajari di England atau di Australia atau tempat lain boleh diterima di negara ini.

"Malaysia adalah negara yang sedang membangun. Pendapatan purata rakyatnya jauh lebih rendah daripada apa yang dicapai oleh negara - negara maju. Ini bermakna bahawa negara ini hanya mampu menerima undang - undang yang termasuk dalam keupayaan sahaja," tambahnya.

Populer

Menurut beliau lagi, pendakwaan (litigation) sangatlah popular di negara-negara Barat di mana setiap orang akan mendakwa sesiapa sahaja di mahkamah sekiranya ia merasa akan mendapat sesuatu daripada orang itu.

Katanya, oleh itu muncullah keadaannya di mana seseorang yang terkehel kakinya semasa menurun tangga di rumah kawannya akan menyaman kawan itu.

Contoh yang disebut oleh Perdana Menteri ini didengar dan disambut dengan gelak ketawa para

peserta dan jemputan khas dalam dewan persidangan di Hotel Merlin.

"Atau seseorang doktor tidak menemui sesuatu semasa memeriksa pesakitnya, pesakit itu akan menyamannya. Tentu sekali kamu boleh menyaman kerajaan dalam apa - apa hal sahaja di bawah langit ini," tambahnya dengan disambut oleh gelak ketawa lagi.

Menurut Perdana Menteri, jumlah wang yang dituntut dalam saman itu telah meningkat lebih cepat daripada kadar inflasi di Argentina.

"Terdapat sangkaan bahawa kuasa untuk menyaman itu akan menjamin wujudnya sebuah masyarakat yang lebih selamat, malangnya dengan sangkaan ini sebenarnya kita hanya menipu diri sendiri," tegasnya.

Beliau berkata, wang tuntutan yang diperolehi seseorang yang membuat dakwaan itu mestilah datang daripada sesuatu punca.

"Sekiranya syarikat insurans membayar gantirugi ini, ini bermaksud kamu sendiri akan membayar premium yang lebih besar jumlahnya. Tatkala jumlah wang tuntutan meningkat, premium akan turut meningkat. Akhirnya kos yang ditanggung oleh sesebuah masyarakat untuk menjalkan dakwa-mendakwa itu akan menjadi lebih tinggi daripada wang yang diperlukan untuk perlindungan undang-undang," jelasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, masyarakat akhirnya akan terpaksa membayar kos yang lebih tinggi untuk menjadi masyarakat yang "litigious".

Beliau menegaskan, beliau menimbulkan soal itu kerana kini terdapat kecenderungan di Malaysia untuk menuntut jumlah wang yang semakin tinggi dalam kes dakwa.

Selain itu, tambahnya, juga terdapat kecenderungan di kalangan tertentu yang lupa bahawa Malaysia bukanlah negara maju.

Perdana Menteri seterusnya menyeru rakyat supaya jangan menerima apa sahaja yang diamalkan di negara-negara Barat yang kononnya bertamadun dan maju sebagai sesuatu yang sempurna.

diri akan terbantut kerana mengamalkan nilai dan etika yang asing dan yang tidak harus diterimanya.

Perdana Menteri kemudian menyeru pertubuhan-pertubuhan profesional seperti Majlis Peguam supaya membuat pertimbangan dan penyesuaian dengan alam

"Hakikatnya ialah negara - negara itu adalah jauh daripada sempurna. Malah sudah terdapat semacam kesedaran rakyat negara - negara itu terdapat sistem, nilai dan amalan mereka sendiri," katanya lagi.

Beliau juga menegaskan bahawa apa yang baik bagi Eropah dan Amerika tidaklah semestinya baik bagi Malaysia.

"Oleh itu fikirkanlah dengan teliti, sebelum sesiapa mencadangkan bahawa nilai Barat itu harus digunakan di Malaysia tanpa memperdulikan keistimewaan - keistimewaan alam sekitar negara ini," tegas Perdana Menteri.

Beliau juga memberi amaran bahawa sekiranya kita tidak berhati - hati dalam menerima nilai itu, pembangunan Malaysia sen-

sekitar mereka untuk bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Beliau berharap peguam-peguam dalam negara akan berbincang sesama mereka untuk mencari jalan memberikan keadilan undang - undang kepada rakyat sebanyak yang mungkin.

Ketika membahaskan undang - undang darurat pula, beliau berharap para peserta persidangan itu akan mengingati hakikat bahawa kuasa - kuasa darurat itu dibentuk untuk keadaan yang khas.

Tegasnya, semasa peserta - peserta persidangan dan beliau sendiri berada dalam dewan persidangan dengan selamat, ramai askar negara berperang di hutan dan menghadapi maut atau kecederaan pada bila - bila masa.